


Kepakaran perubatan Cuba dipelajari



MALAYSIA akan mempelajari kepakaran Cuba dalam bidang perubatan mata dan pembedahan tulang bagi meningkatkan kemampuan serta kemahiran negara dalam aspek berkenaan.

Peluang mempelajari bidang itu diraih hasil lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke hospital pakar mata dan tulang, di sini hari ini sempena kehadiran beliau pada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) ke-14, dua hari bermula esok.

Pondo Ferrer Ophthalmological Hospital adalah hospital khusus menawarkan kepakaran pelbagai kelengkapan canggih dan teknologi terbaru bagi pembedahan mata.

Pada masa ini, hospital itu mengadakan program khas dipanggil 'pembedahan ihsan' dengan menerima banyak pesakit daripada keluarga miskin dari negara Amerika Latin untuk rawatan dan pembedahan mata percuma.

Hospital itu juga menghantar pakar mata ke luar negara, terutama Venezuela dan Bolivia.

Hospital Frank Pais adalah hospital pakar dalam bidang pembedahan ortopedik merangkumi kepa-

ran membetulkan dan pemulihan tulang. Ia melakukan pembedahan kanser tulang belakang dan masalah neurologi.

Frank Pais terkenal dengan kejayaannya memperkenalkan kepakaran membetulkan tulang dengan semua peralatan direka cipta oleh pakarnya sendiri.


Perdana Menteri tiba di sini" dari Helsinki, Finland petang semalam waktu tempatan bagi menghadiri NAM, seterusnya menyerahkan jawatan pengerusi pergerakan itu kepada Presiden Fidel Castro.

Perdana Menteri yang tiba daripada Sidang Kemuncak Asia-Eropah keenam (Asem6) di Helsinki juga menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 (G-15) hari ini yang diadakan sempena NAM kerana negara pengerusinya, Algeria tidak dapat menganjurkan sidang kemuncak sebelum diserahkan kepada Iran.

Selain dua hospital itu, Abdullah melawat Latin American School of Medicine (ELAM), iaitu sekolah perubatan melatih pelajar daripada keluarga miskin secara percuma di Amerika Tengah serta Amerika Syarikat.

Ketika Taufan Mitch melanda Amerika Tengah pada 1998, Cuba menghantar bantuan perubatan ke negara terbabit, terutama di kawasan terpencil.

Selepas itu, negara itu melatih mereka untuk menjadi doktor dan berkhidmat di negara masing-masing. Sehingga sekarang, ELAM mengambil pelajar daripada 24 negara.



INGIN TAHU: Abdullah mendengar dengungan ukiran tanduk pada majlis jamuan makan malam di Havana, malam kelmarin.